**Empat Konvensyen Geneva 1949** (GC I, II, III dan IV), yang telah dipersetujui atau diratifikasi sejagat, merupakan triti-triti teras UUKA. Konvensyen-konvensyen tersebut disokong pula dengan **Protokol-Protokol Tambahan I dan II 1977** (AP I dan AP II), masing-masing berkaitan dengan perlindungan mangsa konflik bersenjata antarabangsa dan bukan antarabangsa serta **Protokol Tambahan III 2005** (AP III) yang berkaitan dengan suatu lambang tambahan yang tersendiri (kristal merah).

Triti-triti antarabangsa lain yang melarang penggunaan cara-cara dan kaedah-kaedah peperangan tertentu serta melindungi kategori orang dan objek tertentu daripada kesan-kesan pertempuran. Triti-triti ini termasuk:

- Protokol bagi Larangan Penggunaan Gas yang Menyesak Nafas, Beracun atau Lain-lain, dan Kaedah Bakteriologi Peperangan 1925
- Konvensyen bagi Perlindungan Harta Budaya dalam keadaan Konflik Bersenjata 1954 dan dua Protokolnya pada 1954 dan 1999
- Konvensyen tentang Larangan Pembangunan, Pengeluaran dan Penyimpanan Senjata Bakteriologi (Biologi) dan Toksin serta Pemusnahannya 1972<sup>2</sup>
- Konvensyen tentang Larangan Penggunaan Teknik-Teknik Pengubahsuaian Alam Sekitar bagi tujuan ketenteraan atau penggunaan pertempuran yang lain 1976<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Untuk maklumat lanjut, rujuk pangkalan data ICRC tentang UUKA, yang boleh didapati di:

<https://www.icrc.org/en/icrc-databases-international-humanitarian-law>.

<sup>2</sup> Untuk maklumat lanjut, rujuk lembaran fakta Konvensyen 1972 Khidmat Nasihat tentang Larangan Senjata Biologi, yang boleh didapati di: <https://www.icrc.org/en/document/1972-convention-prohibition-bacteriological-weapons-and-their-destruction-factsheet>

<sup>3</sup> Untuk maklumat lanjut, rujuk lembaran fakta Konvensyen 1976 Khidmat Nasihat tentang Larangan Penggunaan Teknik Pengubahsuaian Alam Sekitar, bagi tujuan ketenteraan atau penggunaan pertempuran yang lain yang boleh didapati di: <https://www.icrc.org/en/document/1976-convention-prohibition-military-or-any-hostile-use-environmental-modification>

- Konvensyen tentang Larangan atau Sekatan ke atas Penggunaan Senjata Konvensional Tertentu yang Boleh Disifatkan sebagai Memudaratkan Secara Berlebihan atau Mempunyai Kesan Sembarangan (CCW) 1980 dan lima Protokol 1980 (I, II dan III), 1995 (IV), dan 2003 (V)<sup>4</sup>
- Konvensyen tentang Larangan Pembangunan, Pengeluaran, Penyimpanan dan Penggunaan Senjata Kimia serta Pemusnahannya 1993<sup>5</sup>
- Konvensyen tentang Larangan Penggunaan, Penyimpanan, Pengeluaran dan Pemindahan Periuk Api Pembina Anggota serta Pemusnahannya (*Anti-Personnel Mines and on their Destruction* atau APMBC) 1997<sup>6</sup>
- Protokol Pilihan kepada Konvensyen tentang Hak Kanak-Kanak berkenaan dengan pelibatan kanak-kanak dalam konflik bersenjata 2000
- Konvensyen Antarabangsa bagi Perlindungan Semua Orang daripada Penghilangan Secara Paksa 2006
- Konvensyen tentang Munisi Kluster (*Convention on Cluster Munitions* atau CCM) 2008<sup>7</sup>

### Undang-undang adat antarabangsa sebagai sumber UUKA

Di samping triti, undang-undang adat antarabangsa tetap menjadi sumber UUKA yang penting. Ia boleh mengisi kelompangan jika triti-triti UUKA tidak terpakai (contohnya, disebabkan kekurangan ratifikasi atau jika kriteria untuk penggunapakaian triti tidak dipenuhi), atau jika undang-undang triti kurang berkembang, seperti halnya dalam konflik bersenjata bukan antarabangsa.

UUKA adat dibentuk oleh “amalan umum yang diterima sebagai undang-undang”. Pada dasarnya, UUKA adat mengikat semua negara dan, dalam konflik bersenjata bukan antarabangsa, mengikat pihak-pihak bukan negara dalam konflik.

Pada tahun 2005, berdasarkan mandat yang diberikan melalui Persidangan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah ke-26, Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (*International Committee of the Red Cross* atau ICRC) menerbitkan kajian tentang UUKA adat. Satu dapatan penting daripada kajian ini menunjukkan bahawa terdapat lebih banyak UUKA adat yang mengawal selia konflik bersenjata bukan antarabangsa daripada yang ditetapkan dalam triti-triti UUKA.<sup>8</sup> Peraturan yang terpakai bagi konflik bersenjata bukan antarabangsa mempunyai skop yang lebih terhad berbanding dengan peraturan yang mengawal selia konflik bersenjata antarabangsa.

“Empat Konvensyen Geneva 1949 (GC I, II, III dan IV), yang telah diratifikasi sejagat, merupakan triti-triti teras UUKA. Konvensyen-Konvensyen ini telah disokong dengan **Protokol-Protokol Tambahan I dan II 1977... dan Protokol Tambahan III 2005...**”

### BILAKAH UUKA TERPAKAI?

UUKA mengawal selia konflik bersenjata. Selain beberapa obligasi yang memperuntukkan pelaksanaan semasa aman (contohnya, menerimapakai undang-undang pelaksanaan, penyebaran UUKA), UUKA tidak terpakai di luar konflik bersenjata.

UUKA terpakai sebaik sahaja syarat-syarat bagi konflik bersenjata atau pendudukan dipenuhi secara fakta di lapangan. Ia terpakai secara sama rata kepada semua pihak, tanpa mengira siapa yang memulakan pertempuran dan tanpa mengira motif (*jus ad bellum* – lihat perbincangan di atas).

UUKA membezakan antara konflik bersenjata antarabangsa dengan bukan antarabangsa.

4 Untuk maklumat lanjut, rujuk lembaran fakta Khidmat Nasihat Konvensyen Senjata Kimia 1993, yang boleh didapati di: <https://www.icrc.org/en/document/1993-chemical-weapons-convention>

5 Untuk maklumat lanjut, rujuk lembaran fakta Khidmat Nasihat Konvensyen Pengharaman Periuk Api Pembina Anggota 1997, yang boleh didapati di: <https://www.icrc.org/en/document/1997-convention-prohibition-anti-personnel-mines-andtheir-destruction>

6 Untuk maklumat lanjut, rujuk lembaran fakta Khidmat Nasihat Konvensyen tentang Munisi Kluster 2008, yang boleh didapati di: <https://www.icrc.org/en/document/2008-convention-cluster-munitions>

7 Untuk maklumat lanjut, rujuk Pangkalan Data UUKA Adat ICRC, yang boleh didapati di: <https://ihl-databases.icrc.org/customary-ihl/>

8 Untuk maklumat lanjut, rujuk Pangkalan Data UUKA Adat ICRC, yang boleh didapati di: <https://ihl-databases.icrc.org/customary-ihl/>

**Konflik bersenjata antarabangsa** merupakan konflik yang berlaku apabila satu negara atau lebih – menggunakan kekuatan bersenjata terhadap satu atau lebih negara yang lain. Situasi pendudukan juga dilindungi oleh undang-undang konflik bersenjata antarabangsa, walaupun tiada penentangan bersenjata.

Konflik bersenjata antarabangsa tertakluk kepada keempat-empat Konvensyen Geneva; AP I, jika berkenaan; triti lain yang terpakai, seperti triti yang mengawal selia penggunaan senjata; dan UUKA adat.

Di bawah AP I, konflik berlaku apabila sesuatu bangsa berjuang menentang kuasa penjajah dan pendudukan asing serta menentang rejim perkauman dalam melaksanakan hak mereka untuk menentukan nasib sendiri (dalam bahasa mudah disebut sebagai “perang pembebasan kebangsaan”) juga disebut sebagai konflik bersenjata antarabangsa.

**Konflik bersenjata bukan antarabangsa** melibatkan sama ada angkatan tentera kerajaan memerangi satu atau lebih kumpulan bersenjata bukan kerajaan, atau kumpulan-kumpulan tersebut berperang antara satu sama lain.

Tidak semua konfrontasi bersenjata yang melibatkan kumpulan bersenjata merupakan konflik bersenjata bukan antarabangsa. Bagi membolehkan sesuatu konfrontasi yang melibatkan kumpulan bersenjata tertakluk kepada UUKA, ia mesti mencapai tahap intensiti tertentu dan pihak-pihak bukan kerajaan yang terlibat mesti menunjukkan tahap organisasi tertentu. AP II secara khusus menjelaskan dalam hal ini bahawa UUKA “tidak akan terpakai dalam situasi-situasi gangguan dan ketegangan dalaman seperti rusuhan, keganasan terpicil dan berlaku sekali-sekala serta pelakuan lain yang serupa”.

Konflik bersenjata bukan antarabangsa tertakluk kepada Perkara 3 yang sama dalam keempat-empat Konvensyen Geneva; AP II, jika terpakai;<sup>9</sup> triti-triti lain yang terpakai, seperti triti-triti yang mengawal selia penggunaan senjata; dan UUKA adat.

Perbezaan antara konflik bersenjata antarabangsa dengan bukan antarabangsa tidak selalunya ketara. Situasi boleh timbul dimana kedua-dua jenis konflik bersenjata wujud. Pendekatan yang mempertimbangkan sifat kerajaan atau bukan kerajaan pihak-pihak yang berlawanan dalam setiap kes diperlukan untuk menentukan kerangka norma-norma yang terpakai dalam setiap hubungan konflik berkaitan. Jika kedua-dua jenis konflik wujud dalam situasi yang sama, ICRC mengklasifikasikan situasi sedemikian sebagai “konflik bersenjata dengan klasifikasi berganda”. Dalam situasi ini, undang-undang konflik bersenjata antarabangsa dan undang-undang konflik bersenjata bukan antarabangsa terpakai secara serentak mengikut pendekatan berpecah yang dianjurkan oleh ICRC.

## APAKAH YANG DILINDUNGI OLEH UUKA?

1. *Perlindungan bagi mereka yang tidak, atau tidak lagi, terlibat secara langsung dalam pertempuran.*

Konvensyen-Konvensyen Geneva mengawal selia perlindungan dan layanan terhadap empat kategori orang yang tidak, atau tidak lagi, terlibat secara langsung dalam pertempuran, semasa **konflik bersenjata antarabangsa**:

- yang cedera dan sakit dalam angkatan tentera di lapangan (GC I)
- anggota tentera yang cedera, sakit dan karam di laut (GC II)
- tawanan perang (GC III)
- orang awam (GC IV)

Kebanyakan daripada peruntukan-peruntukan GC IV terpakai kepada orang awam yang mendapati diri mereka berada dibawah kawalan sesepihak kepada konflik, atau dibawah sesuatu kuasa pendudukan yang mana mereka bukan rakyat. Orang awam yang memenuhi kriteria ini dikenali sebagai “orang yang dilindungi”. Kategori ini mungkin termasuk orang tak bernegara, orang pelarian dalaman, pelarian dan wartawan. Di samping itu, GC IV mengandungi beberapa perlindungan umum untuk seluruh penduduk negara yang terlibat dalam konflik, walaupun mereka bukan “orang yang dilindungi” dalam maksud GC IV.

---

<sup>9</sup> AP II terpakai kepada konflik bersenjata bukan antarabangsa yang memenuhi kriteria khusus berikut: “berlaku di wilayah pihak Pejanji Tinggi antara angkatan tenteranya dengan angkatan tentera penentang atau kumpulan bersenjata terancang lain yang, di bawah perintah bertanggungjawab, menjalankan kawalan sedemikian ke atas sebahagian daripada wilayahnya untuk membolehkan mereka menjalankan operasi ketenteraan yang berterusan dan bersepadu serta melaksanakan Protokol ini.”

Dalam **konflik bersenjata bukan antarabangsa**, perlindungan yang serupa dengan yang diperuntukkan dalam konflik bersenjata antarabangsa terpakai kepada orang yang tidak, atau tidak lagi, terlibat secara langsung dalam pertempuran.

Orang yang dilindungi oleh UUKA berhak untuk dihormati nyawa, maruah, serta integriti fizikal dan mental mereka. Mereka juga diberikan pelbagai jaminan undang-undang. Mereka mesti dilayan secara berperikemanusiaan dalam semua keadaan, tanpa perbezaan yang bertentangan berasaskan bangsa, warna kulit, agama, kepercayaan, jantina, kelahiran, kekayaan, atau mana-mana kriteria lain yang serupa.

Sebagai contoh, dilarang membunuh atau menyeksa mereka. Mereka yang cedera dan sakit mesti diambil dan dijaga. Bagi memastikan pelaksanaan aktiviti-aktiviti perubatan ini, kakitangan, unit dan pengangkutan perubatan mesti dihormati dan dilindungi. Akses kepada bantuan kemanusiaan bagi populasi awam yang terkesan oleh konflik mesti dibenarkan dan dipermudahkan, tertakluk kepada persetujuan pihak-pihak yang berkenaan dan hak-hak dibawah kawalan mereka. Dibawah UUKA, kakitangan dan objek kemanusiaan mesti dihormati dan dilindungi.

Larangan pembezaan “tidak bertentangan” juga bererti bahawa langkah-langkah yang membezakan dan/atau mengutamakan atas dasar keperluan khusus, kapasiti dan risiko kumpulan orang tertentu, termasuk kanak-kanak, wanita atau orang kurang upaya, bukan sahaja dibenarkan malah dikehendaki. Ini bermakna kumpulan-kumpulan orang ini mesti diberikan penghormatan dan perlindungan yang khusus.

Selain itu, dalam konflik bersenjata antarabangsa, terdapat peraturan-peraturan terperinci yang mengawal keadaan penahanan tawanan perang dan layanan terhadap orang awam dibawah pihak berkuasa tentera musuh. Peraturan-peraturan ini meliputi perkara-perkara seperti pembekalan makanan, tempat perlindungan dan penjagaan perubatan, jaminan kehakiman dan prosedur, serta pertukaran mesej dengan keluarga masing-masing.

Dalam konflik-konflik bersenjata antarabangsa, tindakan balas terhadap orang yang dilindungi dibawah Konvensyen-Konvensyen Geneva, termasuk mereka yang cedera, sakit dan ditimpa nahas kapal, kakitangan perubatan dan agama, kombatan dan orang awam yang ditawan di wilayah yang diduduki, juga dilarang dengan jelas.

*Orang yang dilindungi oleh UUKA berhak untuk dihormati nyawa, maruah, serta integriti fizikal dan mental mereka*

UUKA mentakrifkan beberapa “lambang tersendiri” yang boleh dikenali dengan jelas. Lambang-lambang ini ialah palang merah, bulan sabit merah, singa dan matahari merah (yang tidak lagi digunakan), dan kristal merah (untuk negara-negara pihak APIII). Lambang tersendiri boleh digunakan, semasa konflik bersenjata, untuk mengenal pasti orang, tempat dan objek yang dilindungi (termasuk, kakitangan, unit-unit dan pengangkutan perubatan angkatan tentera [penggunaan lambang untuk perlindungan], serta perkhidmatan perubatan dan keagamaan yang lain). Lambang tersendiri juga boleh digunakan, sama ada semasa konflik bersenjata atau semasa aman, untuk tujuan mengenal pasti orang atau objek yang dikaitkan dengan Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa (penggunaan lambang untuk pengenalan).<sup>10</sup>

2. *Sekatan ke atas cara-cara peperangan – khususnya senjata – dan kaedah-kaedah peperangan, seperti taktik ketenteraan.*

Pihak-pihak yang terlibat dalam konflik mempunyai hak yang terhad dalam memilih cara atau kaedah peperangan (AP I, Perkara 35(1)). Sekatan dikenakan kepada jenis senjata yang digunakan, cara ia digunakan dan perlakuan umum semua yang terlibat dalam konflik bersenjata. Selain itu, UUKA melarang penggunaan cara dan kaedah peperangan yang akan menyebabkan kecederaan berlebihan atau penderitaan yang tidak perlu. UUKA mengawal selia perlakuan pertempuran berdasarkan tiga prinsip teras: pembezaan, perkadaran dan langkah berjaga-jaga.

Prinsip **pembezaan** menghendaki pihak-pihak dalam konflik bersenjata membezakan pada setiap masa antara orang awam dan objek awam, dengan kombatan dan objektif ketenteraan, dan bahawa serangan hanya boleh ditujukan kepada kombatan dan objektif ketenteraan. Tujuan pembezaan ini adalah untuk melindungi individu awam, harta benda awam, dan penduduk awam secara keseluruhan. Serangan secara langsung terhadap orang awam atau objek awam dan serangan sewenang-wenangnya – iaitu, serangan yang menyerang objektif ketenteraan dan orang awam atau objek awam tanpa pembezaan – adalah dilarang.

<sup>10</sup> Untuk maklumat lanjut, rujuk lembaran fakta Khidmat Nasihat Perlindungan Palang Merah, Bulan Sabit Merah dan Kristal Merah, yang boleh didapati di: <https://www.icrc.org/en/document/protection-red-cross-red-crescent-and-red-crystal-emblems-factsheet>

Prinsip **perkadaran**, yang berkait rapat dengan prinsip pembezaan, menetapkan bahawa, apabila serangan dibuat ke atas objektif ketenteraan, kehilangan nyawa orang awam, kecederaan kepada orang awam, kerosakan kepada objek awam, atau kesemuanya, mestilah tidak melampaui kelebihan ketenteraan tentu dan langsung yang dijangkakan melalui serangan tersebut. Prinsip ini mewajibkan pihak-pihak bersengketa untuk menjangkakan kemudaratan sampingan langsung dan kesan tidak langsung yang boleh berlaku akibat serangan yang mereka lakukan, dengan syarat bahawa kemudaratan-kemudaratan itu dapat dijangkakan secara munasabah.

Prinsip **berjaga-jaga** menghendaki pihak-pihak yang terlibat dalam konflik bersenjata untuk sentiasa menjaga keselamatan penduduk awam, orang awam dan objek awam dalam menjalankan semua operasi ketenteraan seperti dalam pergerakan pasukan tentera dan tindakan persediaan untuk bertempur semasa operasi darat di kawasan bandar. Prinsip ini juga mewajibkan pihak-pihak yang terlibat dalam konflik mengambil pelbagai langkah berjaga-jaga dalam serangan (“langkah berjaga-jaga aktif”) dan pelbagai langkah berjaga-jaga terhadap kesan serangan untuk melindungi orang awam dan objek awam (“langkah berjaga-jaga pasif”).

Berkenaan langkah berjaga-jaga dalam serangan, semua langkah berjaga-jaga yang boleh dilaksanakan mesti diambil untuk mengelakkan atau sekurang-kurangnya meminimumkan kemudaratan tidak sengaja terhadap orang awam. Ini termasuklah langkah-langkah untuk mengesahkan bahawa sasaran adalah objektif ketenteraan dan untuk memberikan amaran yang berkesan kepada penduduk awam sebelum serangan. Langkah-langkah ini juga melibatkan sekatan terhadap masa dan lokasi serangan, serta terhadap senjata atau taktik yang digunakan. Pada masa yang sama, pihak-pihak yang terlibat dalam konflik bersenjata mesti, semaksimum yang boleh dilaksanakan, mengambil langkah berjaga-jaga yang perlu untuk melindungi penduduk awam dan objek awam dibawah kawalan mereka daripada kesan serangan. Sebagai contoh, pihak-pihak yang terlibat hendaklah mengelak daripada meletakkan objektif ketenteraan di dalam atau berhampiran kawasan yang padat dengan penduduk. Ia juga termasuk memindahkan secara sementara atau sekurang-kurangnya membenarkan orang awam untuk meninggalkan kawasan terkepung di mana berlakunya pertempuran. Langkah berjaga-jaga yang boleh dilaksanakan adalah langkah-langkah praktikal yang boleh diambil dengan mengambil kira semua keadaan pada masa itu, termasuklah pertimbangan kemanusiaan dan ketenteraan.

Pembuluran orang awam dan pengkhianatan<sup>11</sup> adalah beberapa **kaedah** peperangan yang dilarang, khususnya di bawah UUKA. Arahan supaya tiada sesiapa yang akan terselamat dalam pertempuran adalah dilarang (iaitu memerintahkan supaya “tiada seorang pun dibiarkan hidup”). Peraturan-peraturan khusus juga terpakai bagi zon-zon bebas tentera dan kawasan-kawasan yang tidak dipertahankan.

Penggunaan cara-cara dan kaedah-kaedah peperangan yang berniat atau dijangkakan untuk menyebabkan kerosakan kepada persekitaran semula jadi yang meluas, jangka panjang dan teruk juga adalah dilarang.

Peraturan tentang perlakuan pertempuran juga memberikan perlindungan khusus kepada objek-objek tertentu, termasuk harta benda kebudayaan (seperti monumen bersejarah) dan tempat-tempat ibadat, objek yang sangat diperlukan untuk kelangsungan hidup penduduk awam (termasuk kawasan pertanian untuk pengeluaran bahan makanan, tanaman atau infrastruktur bekalan air minuman), dan kerja-kerja serta infrastruktur yang mengandungi kuasa berbahaya, (seperti empangan, benteng, stesen penjanaan elektrik nuklear). Kerja-kerja dan infrastruktur sedemikian, serta harta benda kebudayaan serta kakitangan dan kemudahan pertahanan awam, boleh dikenal pasti dengan menggunakan lambang-lambang tertentu.

## **BAGAIMANAKAH UUKA DILAKSANAKAN?**

Pelaksanaan UUKA terutamanya adalah tanggungjawab negara-negara. Negara-negara mesti menghormati dan memastikan penghormatan terhadap peraturan-peraturan ini dalam semua keadaan (Perkara 1 dalam keempat-empat Konvensyen Geneva).

Negara-negara mesti memperuntukkan undang-undang dan peraturan-peraturan yang bertujuan untuk memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap UUKA. Negara-negara hendaklah, contohnya, menggubal undang-undang untuk memperuntukkan kesalahan dan hukuman jenayah yang berkesan bagi pelanggaran Konvensyen-Konvensyen Geneva yang paling serius - dikenali sebagai “pelanggaran-pelanggaran berat” (*grave breaches*) - iaitu yang terjumlah kepada jenayah perang. Negara-negara juga hendaklah memperuntukkan undang-undang yang melindungi palang merah, bulan sabit merah, kristal merah dan lambang-lambang perlindungan yang lain.

---

<sup>11</sup> AP I, Perkara 37(1), mentakrifkan perbuatan khianat sebagai “tindakan yang mengundang keyakinan musuh untuk mempercayai bahawa dia berhak, atau bertanggungjawab untuk memberikan, perlindungan di bawah peraturan undang-undang antarabangsa yang terpakai dalam konflik bersenjata, dengan niat untuk mengkhianati keyakinan tersebut”.

Kandungan dan maklumat tentang triti-triti UUKA mesti disebar, contohnya, melalui program-program pendidikan dan latihan untuk angkatan tentera dan orang awam. Langkah pelaksanaan domestik lain juga mesti diambil seperti mengambil dan melatih kakitangan yang berkeelayakan dan khusus serta mengeluarkan kad pengenalan dan dokumen lain untuk orang yang dilindungi.

Triti-triti UUKA juga memperuntukkan mekanisme tertentu yang direka khusus untuk menyokong pematuhan. Ini termasuklah sistem kuasa-kuasa pelindung; prosedur inkuiri; dan Suruhanjaya Antarabangsa Pencarian Fakta Kemanusiaan, suatu mekanisme khusus dibawah Perkara 90 AP I. Negara-negara pihak kepada AP I juga beraku janji untuk bekerjasama dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menangani pelanggaran serius AP I dan Konvensyen-Konvensyen Geneva. Beberapa triti-triti senjata, termasuk Konvensyen Pengharaman Periuk Api Pembina Anggota (APMBC), Triti Perdagangan Senjata (ATT) dan Konvensyen tentang Munisi Kluster (CCM), memperuntukkan mekanisme pelaporan yang bertujuan untuk memantau pematuhan negara-negara pihak kepada obligasi-obligasi dibawah triti-triti ini.

Di samping itu, Statut Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) 1998 memperuntukkan bidang kuasa Mahkamah tersebut untuk mendakwa jenayah paling serius berkepentingan antarabangsa, termasuk jenayah perang (Perkara 8). Berdasarkan prinsip kesalinggenapan (*complementarity principle*), bidang kuasa Mahkamah Jenayah Antarabangsa hanya akan digunapakai apabila sesebuah negara benar-benar tidak mampu atau tidak mahu mendakwa suspek penjenayah perang dibawah bidang kuasa negara itu.

Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu juga telah menubuhkan dua tribunal antarabangsa untuk mendakwa jenayah yang dilakukan semasa konflik bersenjata di negara-negara bekas Yugoslavia dan di Rwanda, termasuk pelanggaran serius UUKA. Mahkamah campuran yang terdiri daripada elemen domestik dan antarabangsa juga telah ditubuhkan untuk menangani kes-kes jenayah yang dilakukan semasa konflik bersenjata tertentu seperti di Kemboja, Lubnan, Sierra Leone dan Timor-Leste.<sup>12</sup>

Maklumat tambahan tentang langkah-langkah pelaksanaan domestik UUKA yang negara-negara ambil boleh didapati dalam Pangkalan Data Pelaksanaan Kebangsaan ICRC (*ICRC National Implementation Database*).<sup>13</sup>

## **APAKAH PERBEZAAN ANTARA UUKA DENGAN UNDANG-UNDANG HAK ASASI MANUSIA?**

Terdapat persamaan antara beberapa peraturan UUKA dengan undang-undang hak asasi manusia. Kedua-dua badan undang-undang berusaha untuk melindungi nyawa, kesihatan dan maruah individu. Walau bagaimanapun, kedua-dua cabang undang-undang antarabangsa awam ini telah dibangunkan secara berasingan, mempunyai skop penggunaan yang berbeza dan terkandung dalam triti yang berbeza. Khususnya, undang-undang hak asasi manusia - tidak seperti UUKA - terpakai semasa konflik bersenjata dan semasa aman, walaupun beberapa peruntukannya boleh dikurangkan semasa konflik bersenjata.<sup>14</sup>

*“Pelaksanaan UUKA utamanya adalah tanggungjawab Negara-Negara. Mereka hendaklah menghormati dan memastikan penghormatan terhadap UUKA dalam semua keadaan (Perkara 1 Konvensyen-Konvensyen Geneva).”*

## **DI MANAKAH MAKLUMAT LANJUT TENTANG UUKA BOLEH DIDAPATI?**

Khidmat Nasihat ICRC tentang UUKA yang menawarkan bantuan perundangan dan teknikal kepada negara-negara dalam pelaksanaan UUKA, telah menghasilkan satu set lembaran-lembaran fakta tentang pelbagai isu penting UUKA. Ia boleh didapati secara dalam talian di: <https://www.icrc.org/en/war-and-law/ihl-domestic-law/documentation>




12 Untuk maklumat lanjut, rujuk lembaran fakta Khidmat Nasihat Pengekangan Jenayah: Menghukum Jenayah Perang, yang boleh didapati di: <https://www.icrc.org/en/document/penal-repression-punishing-war-crimes>

13 Boleh didapati di: <http://www.icrc.org/ihl-nat>

14 Untuk maklumat lanjut, rujuk lembaran fakta Khidmat Nasihat Undang-undang Kemanusiaan dan Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa: Persamaan dan Perbezaan, yang boleh didapati di: <https://www.icrc.org/en/document/international-humanitarian-law-and-international-human-rights-law-similarities-and>

## **MISI**

Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (*International Committee of the Red Cross* atau ICRC) ialah sebuah pertubuhan yang saksama, berkecuali dan bebas dengan misi kemanusiaannya yang khusus untuk melindungi nyawa dan maruah mangsa-mangsa konflik bersenjata dan situasi-situasi keganasan yang lain serta memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa. ICRC juga berusaha untuk mencegah penderitaan dengan menyebarkan pengetahuan dan memperkukuh undang-undang kemanusiaan dan prinsip-prinsip kemanusiaan sejagat. Ditubuhkan pada 1863, ICRC berada pada asal usul Konvensyen-Konvensyen Geneva serta Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa. Jawatankuasa ini mengawal serta menyelaras aktiviti-aktiviti antarabangsa yang dijalankan oleh Pergerakan semasa berlakunya konflik-konflik bersenjata dan dalam situasi-situasi keganasan yang lain.

 [facebook.com/icrc](https://facebook.com/icrc)  
 [twitter.com/icrc](https://twitter.com/icrc)  
 [instagram.com/icrc](https://instagram.com/icrc)



**ICRC**

**International Committee of the Red Cross**  
19, avenue de la Paix  
1202 Geneva, Switzerland  
T +41 22 734 60 01  
[shop.icrc.org](https://shop.icrc.org)  
© ICRC, April 2021